

GARIS PANDUAN
ANUGERAH INOVASI TERBUKA (AI TERBUKA)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

1. TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini bertujuan untuk membantu calon-calon yang berminat untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai **Anugerah Inovasi Terbuka (AI Terbuka) Peringkat Negeri Perak Tahun 2025**. GP ini menggariskan syarat-syarat kelayakan, tatacara permohonan, format laporan permohonan, proses pemilihan pemenang dan kriteria penilaian AI Terbuka 2025.

2. DEFINISI INOVASI

Inovasi adalah cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memupuk pembudayaan inovasi di kalangan Penjawat Awam di Negeri Perak;
- 3.2 Memperkukuhkan penghasilan inovasi produk/ perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi negeri; dan
- 3.3 Menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat agar lebih cekap dan produktif.

4. HADIAH PENGHARGAAN

4.1 Pemenang AI Terbuka Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 akan menerima hadiah;

PERTAMA	Wang Tunai RM10,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KEDUA	Wang Tunai RM8,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan
KETIGA	Wang Tunai RM5,000.00 , Piala dan Sijil Penghargaan

5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 5.1 Penyertaan adalah terbuka kepada **semua** Jabatan Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun, Anak Syarikat Pentadbiran Kerajaan Negeri, Institut Pengajian Tinggi (Pensyarah/ Kakitangan), dan Sekolah (Guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana) **di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sahaja**. Borang Penyertaan yang dikemukakan perlu diiktiraf/ disahkan daripada pihak pengurusan/ Ketua Jabatan masing-masing;
- 5.2 Bagi Jabatan Persekutuan yang mempunyai **dua (2) kerakyatan** perlu **mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan** di Ibu Pejabat masing-masing;
- 5.3 Permohonan menyertai AI Terbuka hendaklah dibuat menggunakan **Borang Penyertaan yang disediakan oleh urus setia. Satu (1) borang bagi satu projek inovasi** yang ingin dipertandingkan dengan syarat **minima tiga (3) orang dan maksima sepuluh (10) orang dalam satu (1) kumpulan**;
- 5.4 Inovasi yang dipertandingkan adalah merupakan inovasi yang dihasilkan oleh jabatan/ agensi sendiri sahaja dan tidak pernah

dipertandingkan di mana-mana pertandingan inovasi di peringkat negeri dan ke atas;

- 5.5 Inovasi yang layak dipertandingkan adalah berusia dalam tempoh 3 tahun mulai tahun **2023, 2024 dan 2025**;
- 5.6 Projek Inovasi yang **tidak layak** menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi ialah;
 - 5.6.1 Projek Inovasi yang telah memenangi mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan atau setaraf atau lebih tinggi anjuran agensi dalam negara atau luar negara pada tahun ini atau tahun-tahun sebelumnya; dan
 - 5.6.2 Projek yang dibangunkan menggunakan peruntukan/ dana/ geran yang berkaitan penyelidikan (R&D).
- 5.7 Projek inovasi disarankan menepati objektif yang dinyatakan;
- 5.8 Inovasi yang dicalonkan mestilah berkesan dengan mendatangkan faedah yang nyata dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum serta meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan bersifat memberi faedah secara berterusan untuk jangka masa panjang (kelestarian inovasi);
- 5.9 Inovasi yang dihasilkan boleh bersifat **Inovasi Penciptaan** (penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia) atau **Inovasi Penambahbaikan** (penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif);
- 5.10 Tarikh tutup penyertaan ditetapkan pada **15 JULAI 2025**;
- 5.11 Kos projek/ hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta;

- 5.12 **Tiada sebarang yuran** penyertaan dikenakan;
- 5.13 Kumpulan yang **tidak hadir semasa sesi penjurian** tanpa sebab atau alasan yang dibenarkan oleh pihak urus setia di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dianggap **terbatal secara serta-merta**;
- 5.14 Projek/ Hasil Ciptaan Inovasi yang terpilih akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan
- 5.15 Keputusan Panel Penilai AI Terbuka adalah **MUKTAMAD**.

6. FORMAT PENULISAN LAPORAN AI TERBUKA PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2025

6.1 Pengenalan

6.1.1 Penerangan mengenai Jabatan/ Bahagian/ Unit

- Latar belakang dan peranan Jabatan/ Bahagian/ Unit
- Piagam pelanggan berkaitan projek inovasi
- Maklumat lain yang berkaitan

6.1.2 Pengenalan mengenai inovasi

- Tujuan Projek Inovasi
- Objektif Projek/ Inovasi
- Proses pelaksanaan inovasi (Nyatakan dibuat *in-house* atau *outsourced*)

- Tempoh Pelaksanaan
- Peringkat Pelaksanaan
- Implikasi Kewangan (Jika Ada)
- Kaedah Pencetusan Idea
 - Pengurusan atasan; dan
 - Warga kerja/ pelanggan
- Elemen Kolaborasi (Jika Ada)
- Kategori Inovasi
- Indikator Inovasi
- Input Pelanggan diambil kira dalam peringkat penghasilan inovasi:
 - Peringkat Akhir
 - Peringkat Pertengahan
 - Permulaan
 - Semua Peringkat
- Mekanisme Maklum Balas Pelanggan (*Facebook, Twitter, WhatsApp, Instagram, e-mel, forum dan lain-lain*)

6.2 Impak Sebelum dan Selepas Inovasi Dihasilkan

Perbandingan mengenai kaedah/ sistem yang digunakan, masalah-masalah yang dihadapi, carta alir kerja sebelum dan selepas inovasi dihasilkan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas.

6.3 Impak Inovasi

6.3.1 Agensi/ Jabatan

6.3.2 Perkhidmatan Awam

6.3.3 Rakyat/ Perniagaan

6.3.4 Kumpulan Sasar

6.4 Elemen Inovasi

6.4.1 Inovatif/ Kreatif

- Penciptaan nilai/ elemen baru/ tambahbaik
- Elemen mempermudah/ penyelesaian masalah
- Lain-lain berkaitan

6.4.2 Keberkesanan

- Gambaran faedah nyata diperolehi
- Peningkatan produktiviti/ kepuasan
- Penjanaan pendapatan (sekiranya berkaitan)

6.4.3 Signifikan

- Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan
- Penjimatan masa/ kos/ sumber manusia/ mudah digunakan/ tingkat produktiviti
- Sejauh mana ia memenuhi objektif inisiatif ini diambil kepada perkhidmatan awam/ organisasi/ jabatan/ unit

6.4.4 Relevan

- Sumbangan kepada agenda organisasi/ nasional:
 - sumbangan kepada pembentukan ekonomi nilai tinggi
 - penjimatan hasil yang ketara
 - penjanaaan hasil yang ketara
 - kolaborasi unik dengan rakyat
 - usaha *nation building* yang berkesan
 - perlu disokong oleh data, gambar atau bukti lain yang jelas

6.5 Pengiktirafan Diterima (Sekiranya Ada)

6.5.1 Peringkat Jabatan/ Agensi

6.5.2 Peringkat Negeri

6.5.3 Peringkat Kebangsaan

6.5.4 Peringkat Antarabangsa

6.6 Penutup

Rumusan yang padat terhadap projek inovasi.

6.7 Format Dokumentasi Projek Inovasi

Format tulisan hendaklah menggunakan **font Arial dengan saiz 12, line spacing 1.5 dan portrait orientation.**

7. PROSES PEMILIHAN PEMENANG AI TERBUKA PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

- 7.1 Tapisan oleh pihak urus setia bagi memastikan **syarat kelayakan penyertaan dipenuhi;**
- 7.2 Panel Penilai akan membuat penilaian ke atas dokumentasi serta video yang diterima dan mengesyorkan senarai pendek jabatan/ agensi yang layak untuk ke peringkat seterusnya;
- 7.3 Jabatan/ Agensi yang telah disenarai pendek akan dijemput menghadiri **Sesi Pembentangan dan Penilaian Akhir AI Terbuka Tahun 2025 pada bulan September 2025 (tertakluk pada pindaan);** dan
- 7.4 **Pemenang AI Terbuka Tahun 2025 akan diumumkan semasa Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 pada bulan Oktober 2025.**

**8. SKALA PEMARKAHAN DAN KRITERIA PENILAIAN AI TERBUKA
 PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

BIL.	TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH
1.	IDEA	<p><u>KREATIVITI</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keaslian Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli • Adaptasi (dengan penambahbaikan/ pengubahsuaian) Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada. 	25
2.	HASIL INOVASI (Output)	<p><u>TAHAP PELAKSANAAN</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti yang berikut:</p>	10

BIL.	TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH
		<ul style="list-style-type: none"> • Secara penuh (melempi peringkat percubaan) • Secara percubaan (di peringkat prototaip) <p><u>REPLICABILITY</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri replicability seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Boleh dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat. • Terdapat bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi lain. • Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan dengan kos yang berpatutan. 	10
3.	IMPAK (<i>Outcome</i>)	<p><u>SIGNIFIKAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tinggi (impak kepada masyarakat); atau • Sederhana (impak kepada organisasi); • Rendah (impak kepada Bahagian/ Unit) 	20
		<p><u>EFISIEN</u></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjimatan masa • Penjimatan kos • Penggunaan sumber manusia secara optimum • Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>) 	20

BIL.	TUMPUAN PENILAIAN	KRITERIA	MARKAH
4.	KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN	<p>Komitmen dalam sumber manusia:</p> <ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan percambahan inovasi di kalangan warga. Mengiktiraf warga yang menghasilkan inovasi. <p>Komitmen dalam pengurusan kewangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan bajet sedia ada dalam penghasilan inovasi. Menilai inovasi yang mempunyai unsur <i>value for money</i> untuk pulangan yang optimum. <p>Komitmen dalam peralatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bantuan daripada segi peralatan untuk menghasilkan inovasi 	5
5.	PERSEMBAHAN	<p>Penilaian terhadap persembahan bagi projek yang dibentangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan laporan; Pembentangan projek; 	10
JUMLAH			100

Hanya **Johan setiap kategori** yang memperoleh penilaian markah **80 peratus** dan ke atas sahaja yang layak untuk dipertandingkan/ menyertai **Anugerah Inovasi Menteri Besar Tahun 2025**.

9. TATACARA PERMOHONAN

Calon yang ingin menyertai AI Terbuka Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 perlu menyempurnakan tindakan-tindakan berikut:

- 9.1 Menghantar dua (2) salinan borang penyertaan AI Terbuka Tahun 2025 (**cetakan daripada *JOTFORM* melalui imbasan kod QR di Lampiran A**) yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Pengurusan Tertinggi dan kemukakan kepada pihak urus setia sebelum atau selewat-lewatnya pada **15 JULAI 2025**;
- 9.2 Mengemukakan *softcopy* Laporan AI Terbuka Tahun 2025 melalui e-mel inovasi@perak.gov.my , *google drive* atau mana-mana platform yang bersesuaian berserta dua (2) naskah salinan laporan projek inovasi perlu dikemukakan kepada pihak urus setia selewat-lewatnya pada **15 JULAI 2025**;
- 9.3 Laporan lengkap hendaklah maksima 50 muka surat termasuk lampiran gambar menggunakan format seperti di para **5.1.6**;
- 9.4 Peserta boleh mengemukakan **video persembahan berdurasi 5-10 minit dalam format mp4. atau avi** dengan kandungan yang menepati kriteria seperti di **para 7**;
- 9.5 Bagi peserta yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri Sesi Pembentangan dan Penilaian secara fizikal pada bulan **September 2025 (tertakluk kepada pindaan)**; dan
- 9.6 Mengisi senarai semak permohonan pertandingan AI Terbuka Tahun 2025 seperti di **Lampiran B**;

9.7 Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan AI Terbuka Tahun 2025, tuan/puan boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
ARAS 1, BAHAGIAN KORPORAT
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN

URUS SETIA PERTANDINGAN INOVASI

Nama : Puan Aimy Najwa binti Mohd Kharul Apendi
Puan Nour Hassuriaty binti Shamsudin
Cik Nurul Hidayah binti Khalit
Cik Wan Noor Syahirah binti Anuar

No. Tel : 05-2095000 samb. 5154/ 5196/ 5155

E-mel : inovasi@perak.gov.my

IMBAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN PERTANDINGAN



TAJUK PROJEK INOVASI

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PERTANDINGAN
ANUGERAH INOVASI TERBUKA (AI TERBUKA)
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa perkara-perkara di atas telah dipatuhi dengan mengemukakan borang permohonan pertandingan AI TERBUKA Tahun 2025 berserta laporan yang dikehendaki:

(Sila tandakan / bagi yang berkenaan)

Dua (2) salinan borang penyertaan AI TERBUKA Tahun 2025 (Cetakan daripada *JOTFORM*) yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan/ Pengurusan Tertinggi.

Dua (2) salinan Laporan Projek (*hardcopy*)

Satu (1) Laporan Projek (*softcopy*) dan video persembahan ke e-mel inovasi@perak.gov.my

Tandatangan;

.....
Nama:

Jawatan:

Jabatan:

Cop Jabatan:

Tarikh: